

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB. Tuan William @ Nyallau  
anak Badak [ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 01.04.2014 (SELASA)**

**NO. SOALAN : 7**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan kenapa pembinaan projek berikut belum lagi bermula seperti projek Jalan Bukit Tungku-Sayat-Soh dan Seremat, Jalan Sayat ke Nanga Kumpang dan Jalan Engkili-Bukong dan Cangkul.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan projek Jalan Bukit Tungku-Sayat-Soh dan Seremat, Jalan Sayat ke Nanga Kumpang dan Jalan Engkili-Bukong dan Cangkul di senaraikan di bawah program Jalan Luar Bandar (JALB) Tahun 2014. Pembinaan ketiga-tiga projek ini melibatkan anggaran kos berjumlah RM22.46 juta. Pada masa ini, pihak Kementerian dalam proses penganugerahan kontrak kepada syarikat yang berjaya dan dijangka pembinaannya akan dimulakan pada bulan Mei 2014.